

Jaminan Dr. M: Harapan baru orang2 Melayu P. Pinang

293

Oleh

ZAINAL A.

18 JUNI 1976

JAMINAN Timbalan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamed, bahawa Kerajaan Pusat akan bertindak untuk memberi apa jua pertolongan bagi menyelesaikan masalah ekonomi orang-orang Melayu Pulau Pinang memberi harapan baru kepada masyarakat Melayu di sini.

Meskipun beliau tidak menyebut apakah langkah-langkah yang akan dijalankan, tetapi jaminan itu merupakan satu alamat yang baik.

Dengan ertikata yang lain masalah tersebut mendapat perhatian berat dari Kerajaan Pusat jika tidak masakan ia merestui penubuhan Pasukan Petugas untuk mengumpulkan maklumat dan cadangan-cadangan mengatasinya.

Seperti yang sering dikatakan bahawa laporan Pasukan Petugas kini sudah siap dan disampaikan kepada Kerajaan Pusat untuk dikaji sebelum diumumkan.

Persoalan sekarang anakah laporan itu meliputi soal-soal perumahan dan keperluan sosial?



DR. MAHATHIR

sebut amatlah menggalakkan.

Kerjasama

Kerjasama seperti itu harus diteruskan demi faedah rakyat. Kerajaan Negeri sepatutnya memulakan langkah yang baik itu sebelum persoalan pokok yang kita bincangkan sekarang tiba pada kemuncaknya.

puluh tahun dan pastinya sanggup melalui liku-liku kepahitan yang memerlukan ketabahan hati.

Pantang undur

Menurutnya lagi, hanya mereka yang benar-benar gigih dan pantang undur sahaja akan berjaya dalam bidang tersebut.

Beliau tidak nampak

dan Perusahaan Melayu Malaysia, barangkali dapat mengatur rancangan bagaimana hendak melahirkan usahawan-usahawan Bumiputera seperti di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri mungkin sedia memberi kerjasama bagi menjayakan tujuan yang baik itu jika diminta berbuat demikian.

Dr. Mahathir semasa berdialog dengan ahli-ahli UMNO Bahagian Bukit Mertajam hari Ahad lalu telah juga menyentuh masalah meninggikan ekonomi orang Melayu di situ.

Beliau menggesa masyarakat Melayu Pulau Pinang supaya memastikan di mana kelemahan mereka dan berusaha mengadakan langkah yang sesuai untuk mengatasinya.

Kerajaan pusat menurutnya sedia memberi pertolongan dan bantuan, tetapi dengan syarat orang-orang Melayu di situ mesti sedia menerima nasihat dan panduan yang diberikan.

Apakah bentuk nasihat dan pertolongan yang dimaksudkan oleh beliau tidak dijelaskan. Bagaimanapun ibarat banyu nasihat-nasihat tersebut pastilah akan diterima demi faedah orang Melayu sendiri.

Pada hemat kita dalam keadaan sekarang orang Melayu di pulau itu perlu bersiap sedia merangka rancangan mereka sebelum bantuan dan pertolongan itu

Peruntukan

Tidak kurang pula ada di antara mereka yang mengharapakan Kerajaan Pusat akan memberikan satu peruntukan khas untuk rancangan-rancangan yang tertentu bagi membolehkan orang-orang Melayu di Pulau Pinang mengambil bahagian yang cergas dalam bidang ekonomi.

Apakah peruntukan tersebut akan diumumkan oleh Kerajaan Pusat bersama hasil laporan Pasukan Petugas?

Apakah Kerajaan Pusat mempunyai satu rancangan lain yang lebih bererti dari itu dalam menyelesaikan masalah tersebut?

Akan tetapi setakat ini kalangan orang Melayu di pulau itu agak lega sedikit kerana kegelisahan yang mereka suarakan sekian lama itu tidak diketepikan begitu sahaja baikpun oleh kerajaan Negeri maupun Kerajaan Pusat.

Kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha memecahkan masalah ter-

Sekarang jalannya sudah terentang, tetapi apa yang perlu ialah setiap mereka yang terlibat perlulah membincangkannya dengan fikiran yang terbuka demi faedah rakyat Pulau Pinang sendiri.

Ini harus difikirkan oleh para pemimpin di Pulau Pinang. Mereka tidak seharusnya menganggap masalah tersebut adalah masalah rumahtangga orang Melayu sahaja. Tetapi sebaliknya mereka harus juga sedia memberi sumbangan fikiran mengatasinya.

Seorang ahli akademik keturunan China bersetuju dengan pendapat ini.

"Masalah ini adalah perlu dibincangkan oleh semua pihak," katanya.

Kedudukan orang-orang Melayu Pulau Pinang menurut pandangannya tidaklah sebegitu teruk seperti yang digambarkan.

Perkembangan ekonomi orang Melayu di pulau itu semakin baik jika dibandingkan kedudukannya itu sebelum merdeka.

Kejayaan dalam bidang ekonomi harus memakan masa ber-

mengapa orang Melayu tidak dapat meningkat sehingga satu kecapan yang setanding dengan orang lain andaikata mereka giat berusaha.

Saranan itu benar juga.

Di Seberang Perai misalnya sudah terdapat beberapa orang Bumiputera yang menampakkan diri mereka dalam bidang perindustrian di kampung mereka.

Beberapa orang guru muda yang mempunyai pandangan jauh dalam lapangan perniagaan telah meletakkan jawatan mereka lalu bergiat dalam lapangan perniagaan secara serius dan mendapat kejayaan yang baik.

Tenaga-tenaga muda inilah sebenarnya menjadi pendorong bagi mengajak lebih ramai lagi orang-orang Melayu di Pulau Pinang nikat dalam bidang usahawan sesuai dengan perkembangan pembangunan di pulau itu pada masa ini.

Langkah ini barangkali tidak mudah dilaksanakan tetapi ia perlu dibincangkan secara mendalam oleh semua kalangan.

Dewan Perniagaan

tiba.

Ini penting untuk menghindarkan diri mereka dari hanya menunggu sahaja buah yang gugur dari Kerajaan Pusat.

Satu perjumpaan badan-badan Melayu seperti yang pernah disuarakan oleh Persatuan Pemborong Binaan Bumiputera Malaysia Cawangan Pulau Pinang,

untuk membincangkan secara mendalam mengenai kedudukan ekonomi orang-orang Melayu di sini adalah kena pada masanya.

Semua institusi Melayu akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam perjumpaan tersebut.

Beberapa orang pakar ekonomi dari Universiti akan diminta mengemukakan kertas kerja mereka.

Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Pulau Pinang, merestui perjumpaan yang penting itu.

Satu mesyuarat jawatankuasa telah diadakan dan mengambil keputusan memberi apa

juga kerjasama untuk menjayakan perjumpaan tersebut.

Pandangan

Persatuan Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Pulau Pinang, sedia menghantar wakilnya untuk memberi pandangan mereka dalam perjumpaan itu.

Beberapa perkara penting boleh dibincangkan dalam perjumpaan tersebut seperti mengadakan kompleks kewangan Bumiputera Pulau Pinang untuk menjalankan berbagai kegiatan termasuk rancangan perumahan, membeli dan menebus tanah orang-orang Melayu yang tergalad.

Masalahnya ialah orang-orang Melayu di situ kekurangan wang. Kompleks ini memerlukan satu peruntukan wang yang besar sedangkan kemampuan Bumiputera di pulau itu terbatas.

Kerajaan Pusat barangkali sedia memberikan pertolongan mendapatkan peruntukan tersebut. Pada hemat kita inilah satu-satunya langkah awal yang boleh mendatangkan kesan bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Bagaimanapun orang-orang Melayu di pulau itu tidak harus bergantung kepada peruntukan dari Kerajaan Pusat sahaja tanpa mempunyai dayausaha mengumpul modal untuk dilaburkan dalam kompleks tersebut.

Langkah ini boleh mencapai kejayaan jika penerangan yang jelas apakah tujuan sebenar kompleks tersebut ditubuhkan.